

**Ibrahim Ali nafi Perkasa rasis, bahkan banyak tolak ansur
Malaysian Insider
Oct 6 , 2013
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK**

Datuk Ibrahim Ali (gambar) tidak melihat badan bukan kerajaan (NGO) yang dikepalainya Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) sebagai satu pertubuhan rasis malah menegaskan beliau dan kepimpinannya telah banyak bertolak ansur dari aspek perpaduan kaum di Malaysia.

Presiden Perkasa itu berkata ahli perniagaan Cina telah banyak mengaut keuntungan dalam industri yang ditegah umat Islam untuk menyertainya namun katanya tiada sebarang bantahan dari pertubuhannya yang membuktikan keterbukaan NGO itu.

"Mereka membuka pusat perjudian dan pusat 'istirehat' yang sama sekali umat Islam ditegah untuk menyertainya.

"Perniagaan mereka bukan sahaja tidak bermoral malah mereka juga mempertikaikan pegangan ekonomi Bumiputera yang baru hendak mencapai 20% setelah kegagalan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Jika benar Perkasa satu pertubuhan yang rasis dan pelampau agama, kami boleh berhimpun di jalan dan memprotes mahu premis perniagaan haram ini ditutup namun tidak begitu kerana kami menghormati hak kaum lain," katanya kepada The Malaysian Insider.

Ibrahim berkata kaum Cina telah menguasai ekonomi negara namun masih tidak berpuas hati dengan pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dalam program pemerkasaan ekonomi Bumiputera pada bulan lalu.

Katanya, kaum Cina yang kebanyakannya menguasai sektor swasta tidak banyak menawarkan peluang pekerjaan kepada orang Melayu.

"Setelah DEB tamat, yang kaya masih kaum Cina. Ini membuktikan DEB bukanlah untuk Bumiputera sahaja tetapi kaum lain turut mendapat manfaat.

"Kaum lain tidak perlu berasa bimbang kerana jika ekonomi orang Melayu meningkat, ekonomi mereka juga akan meningkat. Tidak mungkin orang Melayu akan melakukan urusan jual beli sesama kaum sahaja.

"Kebanyakan kekayaan di bandar dan pinggir bandar tidak dimiliki oleh kaum Melayu. Institusi yang ada pun bukanlah memberi manfaat sepenuhnya kepada orang Melayu sedangkan pada hakikatnya kebanyakan dari kita masih dibelenggu dengan kemiskinan,"katanya.

Beliau berkata apa yang Perkasa perjuangkan bukanlah satu tindakan rasis tetapi hanya menuntut keadilan kerana kaum lain hanya akan berpuas hati sekiranya mereka mendapat pegangan yang lebih banyak dari orang Melayu.

Katanya, beliau bersyukur kerana dirinya tidak mudah diperbodohkan sebagaimana sebilangan orang Melayu lain yang lebih bersifat liberal. – 6 Oktober, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ibrahim-ali-nafi-perkasa-rasis-bahkan-banyak-tolak-ansur>